



LIM WEI WEN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR.

## MASLAHAT PEMBELAJARAN SECARA MAYA

**B**aru-baru ini, kita telah pun didedahkan dengan situasi yang sangat serius, iaitu penularan wabak coronavirus ataupun lebih dikenali sebagai COVID-19 yang mengancam dan meragut banyak nyawa. Di Malaysia, jumlah mangsa yang dijangkiti dengan wabak ini kian meningkat angkanya.

Bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran (PnP) dapat berjalan seperti biasa dengan mematuhi perintah yang dikeluarkan, kebanyakan institusi pendidikan telah mula mengorak langkah dengan mengadakan proses pembelajaran secara maya. Antaranya termasuklah sesi kuliah dalam talian yang dijalankan oleh sekolah, universiti awam dan swasta. Namun begitu, timbul persoalan, adakah pembelajaran secara maya ini mendatangkan masalah kepada pelajar dan seterusnya mewujudkan situasi menang-menang kepada pihak institusi pendidikan dan pelajar?

Pembelajaran secara maya sebagai pendekatan yang mendatangkan manfaat kepada pihak institusi pendidikan dan pelajar kerana dapat memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan mengikut jadual. Hal ini penting kerana dapat memberikan persediaan lengkap kepada pelajar bagi menghadapi peperiksaan akhir. Para pelajar juga tidak akan ketinggalan dalam mengejar sukatan pelajaran bagi sesuatu subjek. Melalui pembelajaran maya seperti kuliah dalam talian, pelajar juga dapat bertanyakan soalan secara langsung kepada guru atau pensyarah.

Seterusnya, pembelajaran secara maya juga mampu mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih komprehensif dan menarik. Pembelajaran secara maya ini boleh menggabungkan pelbagai unsur seperti grafik, video ataupun animasi ke dalam sesi pembelajaran pelajar.

Hal ini mampu memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pelajar tentang sesuatu subjek atau kursus tertentu. Dengan cara itu, kefahaman pelajar dapat dipertingkatkan dalam masa yang lebih singkat. Pada masa yang sama, para guru dan pensyarah juga boleh mengadakan perbincangan maya mengenai bahan yang dimuat naik dalam talian. Hasilnya, situasi pembelajaran akan menjadi lebih menarik.

Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan akibat penularan wabak COVID-19, pembelajaran secara maya turut menjadi lebih signifikan dalam dunia pendidikan. Hal ini dapat dilihat melalui sistem pembelajaran maya yang menyediakan platform pembelajaran kepada pelajar yang tinggal berjauhan. Oleh itu, pelajar masih dapat meneruskan sesi pembelajaran tanpa dihalang oleh faktor jarak.

Di samping itu, pembelajaran secara maya juga mampu mempertingkatkan tahap kecekapan sesi pengajaran. Para guru atau pensyarah dapat memuat naik bahan pembelajaran pada bila-bila masa menerusi talian. Tamsilnya, para pendidik yang menghadapi kesukaran untuk memberikan nota atau tugas secara fizikal mampu menggunakan medium maya ini untuk menghantarnya. Para pelajar pula dapat mengakses bahan tersebut dengan lebih cepat.

Tuntasnya, institusi pendidikan seharusnya melakukan kajian tentang penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara maya ini. Hal ini juga bagi memastikan setiap pelajar tidak mempunyai sebarang halangan dalam mengakses kemudahan internet. Kesukaran pelajar untuk memperoleh rangkaian internet yang baik dan stabil hanya akan merencatkan pendekatan institusi pendidikan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran secara maya. **ds**